

**AKUAN BERKANUN**

Saya/Kami [■] (\*\*No. KP/No. Pasport [■]) beralamat pada masa ini di [■] adalah cukup umur dan dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

- 1) Saya/Kami bukan bankrap dan saya/kami tidak sedar akan sebarang petisyen kebangkrapan yang difailkan terhadap saya/kami di mana-mana Mahkamah undang-undang, atau apa-apa keadaan yang boleh mengakibatkan saya/kami dihukum menjadi bankrap;
- 2) Saya/Kami tidak mengingkari sebarang perjanjian yang kepadanya saya/kami ialah pihak atau yang kepadanya saya/kami terikat dan tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran yang terancam atau sedang diambil terhadap saya/kami yang mungkin menjejaskan status kesolvenan saya/kami secara material di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain.
- 3) Saya/Kami ialah/akan menjadi pemilik berdaftar atau pembeli bagi seluruh \*\*hartanah kediaman/komersial yang dikenali sebagai [■] (“**Hartanah**”) yang didirikan atau yang akan didirikan di atas tanah yang dipegang di bawah \*\* hakmilik induk/individu [■].
- 4) Saya/Kami sendiri akan menduduki Hartanah itu.
- 5) Saya/Kami akan membayar keseluruhan jumlah yang dituntut oleh Bank dengan segera jika Bank mendapati akuan ini palsu atau salah semasa tempoh Kemudahan. Jumlah yang dituntut tersebut boleh termasuk semua faedah, fi dan caj yang dikenakan ke atas Kemudahan.
- 6) Saya/Kami telah diberikan pinjaman/pembiayaan perumahan ini di bawah “Skim Rumah Pertama Saya” dan mengesahkan bahawa Hartanah merupakan hartanah kediaman pertama saya/kami. Keseluruhan obligasi pinjaman/pembiayaan saya/kami (termasuk setiap amaun ansuran bulanan di bawah Kemudahan) tidak melebihi pendapatan bulanan saya/kami. (Perhatian: Akuan ini hanya terpakai untuk pembiayaan di bawah Skim Rumah Pertama Saya).
- 7) Pada masa ini, saya/kami tidak mempunyai lebih daripada dua (2) kemudahan pinjaman/pembiayaan perumahan (termasuk Kemudahan ini) dengan mana-mana pemberi pinjaman, pembiaya atau institusi perbankan lain, sama ada sebagai pemegang akaun tunggal atau pemegang akaun bersama.\*\*
- 8) Saya/Kami memperakui bahawa harga belian Hartanah seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli itu merupakan harga bersih setelah ditolak apa-apa diskaun, pelarasan harga, rebat atau manfaat lain daripada pemaju (termasuk tetapi tidak terhad kepada hadiah atau perkiraan lain oleh pemaju untuk menanggung sebarang kos yang berkaitan dengan pembelian Hartanah) yang boleh memutarbelitkan nilai sebenar Hartanah. (Perhatian: Akuan ini hanya terpakai untuk hartanah yang sedang dibina).
- 9) Saya/Kami cukup sedar bahawa ia merupakan suatu kesalahan jenayah untuk mendorong Bank supaya memberikan Kemudahan berdasarkan akuan palsu.

\*\* Sila potong jika tidak terpakai

Dan saya/kami membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya )  
diakui oleh )  
 )  
di dalam Negeri \_\_\_\_\_ )  
pada haribulan 20 )

Di hadapan saya,

-----  
(Pesuruhjaya Sumpah)